



TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
KARNIVAL USAHAWAN DESA
PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

**LAPANGAN TERBANG LAMA
BINTULU, SARAWAK**

15 APRIL 2016 (JUMAAT)

WAKTU KETIBAAN : 2.30 PETANG

Terima kasih Tuan/Puan Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera

Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan

Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II,

Menteri Kemudahan Awam dan Menteri Pembangunan Perindustrian Negeri Sarawak

Mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak

Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi

Yang Berhormat Datuk Ahmad Jazlan Yaakub

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing

Ahli Parlimen Bintulu

Yang Berbahagia Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman

Ketua Setiausaha

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Para Usahawan Desa

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan rahmatNya jua, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak telah dapat menganjurkan Karnival Usahawan Desa Peringkat Negeri Sarawak. Ini merupakan penganjuran kali pertama bagi tahun ini di mana Bintulu telah dipilih sebagai lokasi penganjuran program KUD di Negeri Sarawak selepas Kuching yang diadakan pada 1 hingga 4 Mei 2014.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan negeri di bawah pimpinan YAB Ketua Menteri yang diwakili oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan di atas kesudian untuk merasmikan KUD Peringkat Negeri Sarawak 2016. Saya juga mengalu-alukan dan berterima kasih atas kehadiran dif-dif kehormat dan semua tetamu kerana sudi untuk turut sama memeriahkan majlis perasmian pada petang ini.

KUD PERINGKAT NEGERI SARAWAK

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Dengan slogan **'Produk Desa Citarasa Malaysia'**, KUD diperkenalkan sebagai salah satu platform untuk meluaskan akses pasaran serta meningkatkan aktiviti pemasaran dan seterusnya memartabatkan produk dan juga perkhidmatan usahawan-usahawan luar bandar. Penganjuran KUD Peringkat Negeri Sarawak akan memberi tumpuan dan fokus menyeluruh untuk mempromosi serta memperkenalkan produk-produk usahawan luar bandar Sarawak meliputi beberapa aspek termasuklah penyediaan platform kepada usahawan di samping menawarkan jaringan perniagaan pelbagai peringkat rantai nilai.

4. Sejalan dengan program transformasi KKLW iaitu **'Membandarkan Luar Bandar'**, pelbagai inisiatif telah dibentuk dan dirangka oleh pihak Kementerian bagi menggalakkan aktiviti perniagaan dan keusahawanan termasuklah penganjuran program KUD. Pada KUD kali ini, seramai **150 orang usahawan** akan menyertai di mana **peningkatan sebanyak 38%** berbanding penganjuran pada tahun 2014.

5. Respon positif ini menunjukkan reputasi KUD serta penerimaan golongan usahawan luar bandar terhadap program keusahawanan sebegini sentiasa dinanti-nantikan sebagai platform untuk memasarkan produk/perkhidmatan mereka. Selain itu, penyertaan daripada Jabatan dan Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri turut dilibatkan sebagai pempamer dan bertindak sebagai **one-stop centre** bagi memberi kemudahan kepada usahawan-usahawan luar bandar untuk mendapatkan informasi-informasi terkini serta khidmat nasihat berkaitan dengan keusahawanan.

6. Mensasarkan bilangan pengunjung melebihi **10 ribu orang**, KUD Peringkat Negeri Sarawak akan menyediakan tahap kebolehcapaian (***outreach***) kepada kumpulan pelanggan yang besar di bawah satu program dalam tempoh tiga (3) hari. Disamping itu, usahawan-usahawan ini juga berpeluang menyertai sesi Eksplorasi Niaga di samping berjumpa dengan **key players** dalam bidang perniagaan khususnya yang berkaitan dengan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

7. Dengan kepelbagaian kategori usahawan ini, rakan niaga mempunyai pilihan kepada lebih daripada **500 produk dan juga perkhidmatan**. Kementerian menjangkakan nilai jualan dan tempahan berjumlah **RM1 juta dengan 100 jaringan perniagaan** diwujudkan.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

8. KKLW sedang mempergiatkan usaha melaksanakan Pelan Transformasi Luar Bandar yang berteraskan kepada keperluan dan kehendak rakyat disamping memastikan proses pembangunan luar bandar berada di landasan yang betul ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

9. Justeru itu, terdapat dua fokus utama yang telah diperkenalkan dalam Pelan Transformasi ini iaitu Memperkasakan Ekonomi dan Pemasaran Luar Bandar. Di bawah fokus Ekonomi, Kementerian telah menggariskan beberapa teras bagi meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk luar bandar sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan menjelang 2020 termasuklah:

- i. **Mewujudkan Model Baru Berpendapatan Tinggi** yang bertujuan mempelbagaikan pendapatan penduduk luar bandar supaya tidak bergantung kepada satu sumber pendapatan semata-mata. Pendekatan ini adalah melalui penerokaan sub-sektor baru yang mempunyai nilai pasaran dan permintaan tinggi; dan
- ii. **Memperbanyakkan Peluang-Peluang Pekerjaan** di Kawasan Luar Bandar dengan mewujudkan pelbagai peluang dalam bidang keusahawanan kepada penduduk luar bandar.

10. Manakala bagi fokus Keusahawanan pula, terdapat empat Inisiatif Transformasi yang berkait secara langsung dengan pemasaran telah diperkenalkan iaitu menaiktaraf kedai di luar bandar, Program 1 Kampung 1 Usahawan, *Rural Premium Outlet (RPO)* dan *Portal Online Business*.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi sekalian,

11. Selain dari inisiatif transformasi tersebut, Program *Rural Business Challenge (RBC)* yang diperkenalkan pada tahun 2012 telah berupaya menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan dan sumber pendapatan kepada golongan belia. Dengan pencapaian mewujudkan 314 usahawan baharu dalam rangkaian perniagaan Pemenang RBC, mencipta 1,565 peluang pekerjaan baharu dan secara tidak langsung serta **peningkatan pendapatan**

sehingga 171% dapat menjadikannya sebagai pemangkin kepada ekonomi setempat serta menambah nilai dalam eko sistem perniagaan di luar bandar.

12. Bagi penganjuran KUD kali ini, KKLW akan memperkenalkan **Program Pitch@RBC** di bawah kategori idea perniagaan yang memberi peluang kepada golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan. Program ini akan mengetengahkan konsep pembentangan idea perniagaan yang ringkas dengan melalui beberapa proses saringan. Dengan pendekatan baru ini, penglibatan usahawan belia secara langsung akan memberikan impak yang besar dari segi penyertaan dan promosi.

13. Di samping itu, dalam usaha Kerajaan untuk memperkasa ekonomi masyarakat luar bandar, **Program Desa Lestari** telah diperkenalkan dengan mengenalpasti kampung-kampung yang berwibawa dari aspek kepimpinan dan modal insan serta memiliki potensi ekonomi untuk dimajukan. Bermula dari tahun 2013-2015 sebanyak **enam (6)** buah kampung Negeri Sarawak telah dipilih di mana dua (2) daripadanya telah turut serta menjayakan KUD Peringkat Negeri Sarawak kali ini iaitu **Kampung Stass, Bau, Kuching dan Kampung Pejuang Kelulit, Bekenu, Miri.**

14. Selain itu, **Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)** merupakan satu program pembiayaan perniagaan usahawan luar bandar yang diperkenalkan oleh KKLW sejak tahun 2001. Sepanjang tempoh 15 tahun SPED diperkenalkan, sebanyak 3,682 usahawan telah dibiayai di mana daripada jumlah tersebut sebanyak 198 usahawan adalah daripada Sarawak.

15. Bagi mengiktiraf usahawan-usahawan yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang keusahawanan, Anugerah Ikon KUD Sarawak akan diumumkan. Anugerah ini merupakan anugerah khas dan julung kali diperkenalkan pada KUD di Peringkat Negeri Sarawak.

PENUTUP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

16. Sepanjang tempoh tiga hari KUD ini, saya berharap para usahawan dan pengunjung mengambil kesempatan dan peluang untuk mengunjungi gerai-gerai serta *booth* pameran yang telah disediakan. Pelbagai aktiviti menarik seperti demonstrasi produk dan masakan, Eksplorasi Niaga, Forum Perdana dan persembahan kebudayaan dan cabutan bertuah telah disediakan untuk pengunjung.

17. Di kesempatan ini saya menyeru agar orang ramai dapat hadir memeriahkan lagi program ini. Harapan KKLW adalah agar platform KUD ini digunakan sebaik mungkin bagi mewujudkan hubungan kerjasama strategik di antara usahawan, pemborong, pemasar, institusi kewangan dan pembiayaan serta agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan usahawan. InsyaAllah, Kementerian ini akan meneruskan komitmen bagi membangunkan masyarakat luar bandar selaras dengan Pelan Transformasi Kementerian dengan hasrat untuk menjadikan kehidupan di luar bandar bertambah maju, berkualiti serta membangun.

18. Akhir kata, saya berharap agar KUD ini akan berlangsung dengan jayanya dan mencapai objektif seperti yang disasarkan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih atas sokongan semua pihak terutama Kerajaan Negeri Sarawak, kakitangan peringkat Kementerian dan Agensi, NGO, pihak media, para usahawan luar bandar, jemputan dan hadirin sekalian dalam menjayakan KUD Peringkat Negeri Sarawak. Besarlah harapan saya melalui KUD ini, jurang pendapatan di antara penduduk bandar dan luar bandar dapat dikurangkan.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera.

Sekian, terima kasih.

